



Available on the iPhone  
App Store

GET IT ON  
Google Play



Alzahrin Alias - Mac 10, 2015 @ 12:03am




KAD pengenalan milik Tun Hussein Onn.



MyKad.

Setiap negara mempunyai kad pengenalan tersendiri bagi memastikan setiap warga negaranya mempunyai rekod selain urusan pengenalan diri yang lain seperti membabitkan perjalanan ke luar negara selain rekod digunakan oleh pihak berkuasa.

Sama juga di negara kita, sistem kad pengenalan sudah diguna pakai sejak 66 tahun lalu, bertujuan menjaga keselamatan negara daripada ancaman komunis. Mungkin ramai yang tidak tahu kewujudan penggunaan kad pengenalan berjaya menghapuskan kesukaran mengenal pasti kumpulan komunis yang mengganas pada Zaman Darurat.




SIGN UP NOW

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 6m  [Pemandu teksi keliru kapasiti penumpang dibenarkan](#)
- 9m  [Disiplin patuh SOP pastikan jangkitan mampu dibendung](#)
- 18m  [Tentera AS akui bunuh 23 orang awam tahun lalu](#)
- 19m  [Chelsea kempunan khidmat Lukaku](#)
- 21m  [COVID-19: Ada pesakit tidak jujur status kesihatan - Pakar](#)
- 37m  [Pemain UAE laung amaran](#)
- 38m  [NASA umum 2 misi baharu ke Zuhrah](#)
- 46m  [Yair Lapid bentuk gabungan tubuh kerajaan baharu Israel](#)



SIGN UP NOW

## Diwajibkan dari umur 12 tahun

Sistem berkenaan diwajibkan kepada rakyat Malaysia berumur 12 tahun ke atas dan ia berjaya menangani pergerakan komunis kerana kebebasan bergerak hanya terhad kepada pemegang kad pengenalan pada waktu itu.

### DISYORKAN UNTUK ANDA

- [JPN perkukuh ciri keselamatan menerusi myIdentity](#)
- [Ganti MyKad secara dalam talian](#)
- [Polis siasat laman sesawang iklan, jual MyKad palsu dalam talian](#)
- [RM1.3j untuk dapat warganegara ekspres, naik 900 peratus](#)

Teknologi dan penggunaan kad pengenalan semakin berubah mengikut zaman. Jika dulu kad pengenalan hanyalah sekeping kertas biasa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa, kini dalam era teknologi, kad pengenalan di Malaysia mempunyai pelbagai fungsi dan aplikasi selain mempunyai teknologi dari segi keselamatan serta kegunaan yang terkini.



KAD pengenalan milik Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

### Inovasi kad

Kad pengenalan Malaysia sudah melalui pelbagai perubahan reka bentuk untuk memenuhi ciri keselamatan selari dengan peredaran zaman. Era 1980-an, Kad pengenalan Malaysia muncul sebagai dokumen yang sofistikated dan dilindungi ciri-ciri keselamatan yang canggih.

Memiliki kad pengenalan adalah penting dalam urusan sehari-hari individu dalam menjamin kesahihan pemegangnya untuk menaiklak sebarang

### Evolusi kad pengenalan

## VAKSIN



[EROPAH](#) 2 jam yang lepas

[Negara G7 bincang kongsi vaksin, penyakit bawaan haiwan](#)



[EROPAH](#) 5 jam yang lepas

[Perancis perluas vaksin COVID-19 kepada 12 hingga 18 tahun](#)



[NASIONAL](#) Jun 2, 2021 @ 8:59pm

[Selangor belanja RM200 juta beli vaksin](#)



[NASIONAL](#) Jun 2, 2021 @ 12:41pm

[Kira-kira 18 peratus rakyat dapat manfaat vaksin Sinovac](#)



[NASIONAL](#) Jun 1, 2021 @ 8:46pm

[PPV IPT akan beri lebih 14,000 vaksin sehari](#)



[WILAYAH](#) Jun 1, 2021 @ 2:45pm

[Unit bergerak vaksinasi COVID-19 di Padang Terap](#)

## TRENDING



[BOLA](#) 37 minit yang lepas

[Pemain UAE laung amaran](#)



[ASIA](#) sejam yang lepas

[Yair Lapid bentuk gabungan tubuh kerajaan baharu Israel](#)



[ASEAN](#) Jun 2, 2021 @ 9:20pm

[Indonesia henti usaha selamatkan KRI Nanggala](#)



[NASIONAL](#) Jun 2, 2021 @ 8:46pm

[COVID-19: Pesakit diminta mengucap syahadah sebelum 'ditidurkan'](#)



[KES](#) Jun 2, 2021 @ 8:11pm

[8 lelaki merusuhan guna senjata ditahan](#)

## MYRESIPI



[INFOMASI](#) Jun 2, 2021 @ 3:38pm

[Cara Mudah Buat Cendol, Lagi Puas Makan Sendiri](#)

## Evolusi Kad Pengenalan

### MyKad

Aplikasi utama - Sebagai pengenalan diri. MyKad menyimpan maklumat seperti berikut:

- Nama
- Alamat
- Bangsa

- Status kerakyatan
- Agama
- Minutiae cap jari

1948 - Kad pengenalan kertas. Diperkenalkan oleh Kerajaan British untuk melindungi negara daripada ancaman komunis dan dilaksanakan di seluruh tanah Semenanjung dari 1948 hingga 1960.

Ciri-ciri: Tujuan untuk keselamatan, tidak bersalut, gambar hitam putih, cap ibu jari kanan saja, maklumat asal penduduk, tiada taraf kewarganegaraan.

1960 - Evolusi kad pengenalan semakin baik ketika itu, dengan diperkenalkan kad pengenalan plastik. Ia diperkenalkan untuk menambah baik sistem pengeluaran kad pengenalan dilaksanakan di Semenanjung pada 1 Ogos 1960 sebelum diperluaskan ke Sarawak pada 30 Mac 1966 dan ke Sabah pada 1 Jun 1972.

Ciri-ciri: Keselamatan yang baik, bersalut dan diproses secara teragih, empat warna bagi menentukan taraf warganegara, maklumat terperinci, gambar hitam putih, cap ibu jari kiri dan kanan.

1990 - tahun ini menyaksikan kad pengenalan Malaysia melalui proses penambahbaikan kerana penggunaan kad pengenalan plastik sebelum ini mendapat beberapa kelemahan dari segi kualiti walaupun sehingga kini ramai kalangan penduduk Malaysia menganggap kad pengenalan plastik lebih sesuai digunakan.

Namun langkah kerajaan memperkenalkan kad pengenalan berkualiti tinggi pada tahun 1990 menunjukkan kerajaan inginkan teknologi terkini untuk penduduk. Ia juga sebagai permulaan era pengkomputeran data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menggunakan sistem separuh automatik.

Pengenalan sistem 12 angka nombor unik juga diwujudkan kepada setiap individu. Ini menyaksikan setiap individu di Malaysia mempunyai sistem nombor unik yang berbeza dikenali sebagai nombor kad pengenalan.

Ciri-ciri: Keselamatan yang tinggi, gambar hitam putih (1990) dan gambar warna (1999), cap ibu jari kiri dan kanan, maklumat terperinci dan bersalut.

1999 - kad pengenalan bermutu tinggi diwujudkan dengan penambahbaikan kepada gambar foto berwarna.

ERA 2000 - Dikenali sebagai MyKad, diperkenalkan untuk memenuhi keperluan keunikan kad pintar ini, kerajaan mengambil inisiatif untuk mengenali, mencipta, dan membangunkan prasarana bagi menghasilkan Kad Pintar Pelbagai Guna Kerajaan.

Projek ini bermula pada tahun 1996 sebaik saja Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (kini Tun) mengilhamkan wawasan Kad Pintar Pelbagai Guna ini.



[INFOMASI](#) Jun 2, 2021 @ 3:36pm  
[Resepi Gulai Darat Ikan Keli Dengan Daun Kesum, Nikmat Macam Makan Dekat Kampung](#)



[INFOMASI](#) Jun 1, 2021 @ 2:05pm  
[Rendang Ayam Diva AA Suasana Hari Raya](#)



[INFOMASI](#) Jun 1, 2021 @ 1:34pm

[Cantik & Unik, Jom Cuba Resepi Kek Batik Versi Biskut Jejari!](#)



[INFOMASI](#) Jun 1, 2021 @ 1:31pm  
[Jom Cuba Resepi Donut Kentang Gebu & Lembut, Makan Sekali Pasti Nak Lagi!](#)



KAD pengenalan milik Tun Dr. Mahathir Mohamad

Kad Pintar Pelbagai Guna Kerajaan yang pertama di dunia telah dilancarkan pada 5 September 2001 oleh Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (kini Tun). Pelancaran rasmi itu sebagai satu pencapaian besar kepada inisiatif MSC negara kerana ia adalah aplikasi perdana koridor raya yang pertama dilancarkan secara rasmi.

JPN juga telah mengeluarkan MyKad baharu yang mempunyai reka bentuk dan ciri-ciri keselamatan terkini. Antara ciri terpenting MyKad ini ialah ia diperbuat daripada bahan polikarbonat dan menggunakan cip baru yang lebih berdaya tahan, selain mempunyai "ghost image" yang menggunakan teknologi turisan laser pada permukaan kad bagi mengelak pemalsuan.

MyKad baharu mempunyai 'ghost image' yang menggunakan teknologi turisan laser pada permukaan kad selain di lengkapi perlindungan anti salin bagi mengelak pemalsuan.

Pengeluaran MyKad ini juga mengikuti piawaian antarabangsa, tidak mudah rosak dan ia dapat mengatasi masalah berkaitan kualiti dan ketahanan MyKad termasuk kualiti cip.

MyKad juga mempunyai ciri-ciri keselamatan tinggi untuk mengekang aktiviti pemalsuan.

#### Jenis kad pengenalan lain selain MyKad di Malaysia





MyKid

- MyKid - Kad pengenalan atau pengenalan diri kanak-kanak bercip yang dikeluarkan kepada kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun. Ciri MyKid adalah sama seperti MyKad cuma ia tidak mempunyai gambar dan cap jari.

My membawa maksud Malaysia manakala Kid pula adalah singkatan kepada Kad Identiti Diri. Nombor pengenalan diri yang ada pada MyKid ini akan digunakan di dalam semua urusan dari lahir hingga ke akhir hayat.

Mykid mengandungi tiga aplikasi utama yang terkandung di dalam cip iaitu Aplikasi JPN (data kelahiran); Maklumat kesihatan serta pendidikan.



MyPR

- MyPR - Semua penduduk Malaysia yang bertaraf Pemastautin Tetap dikehendaki menukar kad pengenalan mereka kepada MyPR mulai 1 Jun 2006. Ciri-ciri MyPR adalah identifikasi Pemastututin tetap dengan lebih jelas; berlatarbelakangkan warna merah; memaparkan maklumat kerakyatan asal selain memaparkan nombor permit masuk bagi yang berkaitan.



MyKAS

- MyKAS - Kad Pengenalan Pemastautin Sementara atau MyKas dikeluarkan di bawah Peraturan 5(3)(C) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Ciri-cirinya adalah Identifikasi Kad Pengenalan Sementara dipapar di sudut atas; terdapat tarikh luput dan perlu diperbaharui dalam tempoh lima tahun dan berwarna hijau.

- MyKad memasukkan minutiae cap jari anda ke dalam cip dan ini membolehkan pengesahan cap jari dilakukan secara tepat dan terperinci dengan menggunakan alat pembaca MyKad.

MyKad. Sijil Digital ini membolehkan empat transaksi dilakukan secara elektronik seperti:

- Pengesahan - orang lain tidak boleh menyamar sebagai anda
- Pembuktian - tandatangan digital sebagai bukti sah transaksi
- Sulit - Maklumat sulit boleh dienkrip sebagai sulit
- Integriti - tiada pihak ketiga boleh mengubah sebarang maklumat
- MyKad sebagai dokumen sah lesen memandu
- MyKad sebagai Dokumen Kesihatan

Maklumat asas kesihatan seperti jenis darah, alahan, organ implan, penyakit kronik dan maklumat waris atau ahli keluarga terdekat boleh dimasukkan ke dalam cip MyKad.

- MyKad sebagai Kad Frequent Travellers Card

MyKad boleh digunakan sebagai Frequent Travellers Card (FTC) bagi kemudahan perjalanan keluar masuk ke sesebuah negara tertentu secara berulang-alik dengan menggunakan MyKad sebagai dokumen perjalanan dan pasport masih perlu dibawa.

Buat masa ini kemudahan ini hanya dilaksanakan secara perintis antara Brunei dan Malaysia khusus untuk pemegang MyKad di Sarawak.

- MyKad sebagai pasport

MyKad sebagai e-Tunai Aplikasi dompet elektronik di dalam MyKad. Urusniaga MEPS Cash membolehkan anda membuat bayaran tanpa tunai untuk jumlah tidak melebihi RM2,000. Kelebihan bagi pengguna:-

- Menggantikan wang kertas dan syiling
- Bayaran tepat untuk nilai belian
- Tidak perlu tunggu baki wang
- Lebih mudah dan cepat
- Tidak perlu PIN - Diterima di premis perniagaan dan juga pembayaran di internet
- Premis perniagaan yang menerima bayaran MEPS Cash dapat mengurangkan risiko pengurusan tunai (rompakan, kecurian) kerana ia dikreditkan terus ke akaun bank.
- MyKad sebagai Kad Transit (Touch & Go)
- MyKad sebagai Kad ATM

Melalui kemudahan ini MyKad boleh berfungsi sebagai kad ATM bank yang boleh menjalankan urus niaga perbankan seperti pengeluaran wang, pertanyaan baki, pemindahan wang, penukaran nombor PIN, dan lain-lain urus niaga atau kemudahan seperti mana diperoleh melalui ATM BANKCARD.

## BERITA BERKAITAN



[Korporat](#) Jan 9, 2019 @ 5:51pm

[Pelanggan AmBank boleh pindah  
wang guna DuitNow](#)



[BHPLUS](#) Jul 7, 2015 @ 12:59am

[Sindiket jual MyKad kedua kepada  
penjenayah](#)



[SABAH DAN SARAWAK](#) Jul 14, 2017 @ 1:01pm



[NASIONAL](#) Mac 22, 2020 @ 3:38pm

## [Hebahan palsu buat pejabat JPN diserbu](#)

## [COVID-19: Soalan Lazim berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan \(PKP\) Kementerian Dalam Negeri – Jabatan Pendaftaran Negara \(JPN\)](#)

Disyorkan untuk anda

Recommended by



**Corner Lot LAST CALL!!! [Biggest House 2-Sty...]**

Kuala Lumpur mudahproperty.my

[SEE DETAILS](#)



**Neuropathy (Nerve Pain)? Do This Immediately...**

Did U Know Reviews



**Malaysia: New "Lung Cleaning" Device Is Going...**

AirPhysio

**Mark Zuckerberg Buys 600 Acres on Kauai in \$53...**

Mansion Global



**New Anti-Mosquito Device Is Taking...**

simplesdiscountfinder.c...



**The push-up bra that has taken the world by a storm.**

AirBra Pro™



**Hair Transplant Cost In Kajang Might Surprise...**

Hair Transplant | Searc...




**Invest now \$ 200 in Companies like Amazon or Netf...**

Invest Smart



IKUTI KAMI DI:



[BERITA](#)  
[BHPLUS](#)  
[Nasional](#)  
[Kes](#)  
[Politik](#)  
[Pendidikan](#)  
[Wilayah](#)

[SUKAN](#)  
[DUNIA](#)  
[HIBURAN](#)  
[BISNES](#)  
[RENCANA](#)  
[WANITA](#)  
[HUJUNG MINGGU](#)

[MULTIMEDIA](#)  
[Foto](#)  
[BHTV](#)  
[Infografik](#)  
  
[LANGGAN](#)  
[Akhbar Digital](#)  
[Akhbar BH](#)

[PERKHIDMATAN](#)  
[Iklan Web](#)  
[1Klassifieds](#)  
[NSTP KLICK](#)